



DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

RESIT EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : May- August 2019
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:**
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.**
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.**
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.**

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Menyesal pula dia meminjamkan permata kesayangannya itu kepada Haslina. Gayathri mengetap bibir. Biarpun berkali-kali Haslina memohon maaf, namun cukup sukar baginya memberi maaf. Buku itu terlalu berharga lebih daripada harganya yang sebenar. Gayathri rela tidak makan di kantin sekolah semata-mata untuk membeli buku itu.

“Sabarlah, boleh diguna lagi tu.” Pujuk ibunya, Seema.

“Mana boleh sabar, belum habis lagi saya menelan isinya, sudah jadi pekasam.” Waktu itu Gayathri sudah tidak mampu menahan jernih-jernih mutiara. Gayathri terus memandang wajah senja. Sejak pagi lagi, Gayathri tidak menjamah makanan. Tidak berselera. Dia memilih untuk bersendirian.

Patutlah Haslina tidak pulangkan bukunya dengan cepat, rupa-rupanya buku itu sudah relai. Hilang kulit dan isi pula terkoyak sana sini! Entah kaedah apa yang digunanya untuk menelaah buku miliknya itu. Gayathri menggelengkan kepalanya lagi. Sewaktu Haslina datang ke rumahnya mahu meminjam kamus tersebut, pelbagai janji manis ditabur oleh kawan karibnya itu. Malangnya, **janji manis itu hanya setakat di bibir.**

Sebak. Setiap kali terkenangkan wajah hodoh buku itu, hatinya sayu. Cintanya terlalu kuat terhadap buku itu. Sama kuatnya dengan impian untuk menjadi seorang wartawan yang berjaya. Kalau Karam Singh Walia boleh hidup dengan buku peribahasa Melayu, maka tidaklah mustahil jika suatu masa nama Gayathri sebaris dengan idolanya itu. Dia mempunyai kekuatan kosa kata yang datangnya daripada Kamus Dewan Bahasa Melayu pula. Di sinilah bezanya dia dengan Karam Singh Walia. Dia mahu menggunakan Kamus Dewan tersebut untuk meningkatkan kecekapan bahasa Melayunya. Semua orang tahu bahawa khazanah bahasa Melayu dari aspek perbendaharaan katanya begitu hebat. Malah, mampu mengungkapkan semua perkara dalam pelbagai aktiviti kehidupan. Dia mahu mengangkat dan memartabat bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia. Dia anak Malaysia dan dia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga bahasa tersebut. Dia tidak mahu masyarakat terus menerus menghumban bahasa yang hebat suatu masa dahulu ke bawah. Bak kata Cikgu Fatimah, tak kenal maka tak cinta.

“Saya minta maaf ya. Saya tak tahu kamus ini telah jadi begini. Apabila saya pulang dari sekolah tempoh hari, saya lihat kamus awak sudah rosak. Anak saudara saya datang dan mengambil kamus ini dari bilik saya. Maafkan saya, Gayathri.” Haslina menunduk.

Pada masa itu, Gayathri hanya mampu berdiam diri. Dia sendiri tergamam. Berat pula tangannya menyambut kerana dalam hatinya ada perang rasa. Lambat-lambat dia menatap wajah Haslina, dan kemudian dengan wajah hampa dia mengangguk lemah. Dia tahu Haslina juga sama sepertinya, bukan anak orang berada. Mereka anak nelayan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *hanya setakat di bibir*? (2 markah)

2. Mengapakah Gayathri tidak berselera untuk makan? (2 markah)

3. Apakah bezanya impian Gayathri jika dibandingkan dengan wartawan Karam Singh Walia? (2 markah)

4. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** sebab kita perlu memartabatkan bahasa Melayu. (4 markah)

Petikan (ii)

Obesiti

Obesiti merupakan satu keadaan yang kompleks, iaitu seseorang individu itu mempunyai lemak berlebihan. Obesiti ialah sejenis penyakit kronik yang memerlukan rawatan susulan berpanjangan, terapi dan perhatian yang wajar oleh pengamal perubatan. Berdasarkan laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015, kira-kira 5.6 juta orang dewasa yang berusia 18 tahun ke atas di negara ini mempunyai masalah berat badan berlebihan manakala 3.3 juta individu lagi disahkan obes.

Lebih membimbangkan, masalah obesiti di Malaysia kian meningkat dari hari ke hari. Hal ini terjadi kerana banyak makanan rakyat negara ini yang digoreng menggunakan minyak masak dan mengandungi santan, sekali gus menyumbang kepada pengumpulan lemak dalam badan. Jumlah penghidap obesiti di Malaysia begitu besar jumlahnya dan setanding dengan Amerika Syarikat (AS). Puncanya, sikap sesetengah ibu bapa yang gemar membekalkan anak-anak mereka dengan makanan segera, seperti sosej, nuget dan burger dan cenderung menyediakan makanan segera kerana terpaksa **mengejar masa mencari rezeki**. Untuk golongan dewasa atau tua pula, faktor umur yang meningkat akan menyebabkan kadar metabolisme menurun. Berat badan akan naik dengan ketara walaupun tiada sebarang pertukaran atau penambahan dalam tabiat pemakanan seharian. Kebiasaannya, kaum wanita akan mempunyai lebih kebarangkalian untuk menjadi obes berbanding kaum lelaki kerana kadar metabolisme wanita lebih rendah berbanding kaum lelaki. Hal ini menjadi lebih parah apabila kaum wanita mencapai *menopause*.

Tidak dinafikan, punca lain masalah ini ialah sikap malas beriadah. Hasil penyelidikan Universiti Stanford, Amerika Syarikat mendapati rakyat Malaysia hanya berjalan 3,963 langkah sehari. Jumlah itu lebih rendah daripada purata penduduk dunia berjalan, iaitu 4,961 langkah sehari. Kita jauh ketinggalan jika dibandingkan negara Asia lain seperti Hong Kong yang rakyatnya berjalan dengan purata 6,880 langkah sehari. Hal ini membuktikan rakyat Malaysia paling malas untuk berjalan dan menyumbang kepada masalah kegemukan yang melampau.

Kesimpulannya, rakyat Malaysia perlu lebih prihatin terhadap kesihatan diri sendiri supaya dapat membentuk sebuah kehidupan yang lebih sihat dan dapat mencegah penyakit berbahaya akibat obesiti.

(dipetik dan diubahsuai daripada www.utusan.com.my/rencana, 2018)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **mengejar masa mencari rezeki**? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan tersebut, nyatakan **EMPAT (4)** punca masalah obesiti di Malaysia. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** penyakit yang boleh menyerang individu yang obes? **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.
- I. korban **(2 markah)**
 - II. berkorban **(2 markah)**
 - III. terkorban **(2 markah)**
 - IV. mengorbankan **(2 markah)**
 - V. pengorbanan **(2 markah)**

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Penyakit yang mempunyai obesiti perlulah berjumpa doctor untuk mendapat rawatan yang sewajarnya.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

2. Seorang kontraktor pertuduhan kerana membuat tuntutan palsu untuk membekalkan perabot kepada jabatan kerajaan.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

3. Sebelum memujuk pasangan, kita mestilah diketahui punca dia merajuk dan merancang seterateji yang berkesan untuk memujuknya.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

4. Ibunya terpaksa dimasukkan semula ke hospital kerana kesihatannya merosot dan memerlukan memantau daripada pihak hospital.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

5. Pada bulan Disember, semua pelajar perlu menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak kolej untuk memastikan mereka lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

1. Bincangkan kesan negatif penggunaan laman sosial kepada masyarakat di Malaysia.

ATAU;

2. Kempen membaca boleh dianggap bersifat slogan kerana budaya ini semakin dipinggirkan dalam kalangan masyarakat sekarang. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk mendorong minat masyarakat untuk membaca?

ATAU;

3. Walaupun kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara dijamin dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, namun peranannya semakin lama semakin merosot. Jelaskan langkah-langkah yang sesuai dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan ini.

KERTAS SOALAN TAMAT